

09 JAN 1998
Cohen-lawat
SETIAUSAHA PERTAHANAN AS JELAJAH ASIA

Oleh: Salmi Hashim

WASHINGTON, 9 Jan (Bernama) -- Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat (AS), William Cohen, akan memulakan lawatan 12 hari ke negara-negara Asia, termasuk Malaysia, esok, untuk memberi jaminan bahawa AS akan sentiasa bersama mereka ketika mereka menghadapi keadaan sukar dan tidak menentu sekarang.

Lawatan Cohen pada mulanya dijadualkan dari 12 hingga 23 Nov tahun lepas, tetapi ditangguhkan berikutan "krisis" dengan Iraq yang sebelumnya enggan membenarkan warga AS dalam pasukan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk mencari senjata pemusnah besaran di Iraq.

Dr. Kurt Campbell, Timbalan Penolong Setiausaha Pertahanan bagi Hal Ehuwal Asia Timur dan Pasifik, berkata di sini Khamis bahawa lawatan Cohen ke Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand, China, Jepun dan Korea Selatan itu menunjukkan komitmen AS terhadap Asia "dalam masa-masa senang dan juga waktu-waktu susah dan tidak tentu seperti sekarang."

Beliau mengulangi pendirian US bahawa ia "terlibat dan komited sepenuhnya bukan sahaja sekarang tetapi di masa-masa depan."

Dalam lawatannya itu, Cohen akan mengadakan dialog mengenai keselamatan dengan para pemimpin dan rakan sejawatannya di negara-negara yang dilawatinya, dan menandatangani perjanjian maritim tentera di Beijing. Beliau akan diiringi oleh pegawai-pegawai kanan Rumah Putih, Perbendaharaan dan Jabatan Negara.

Perjanjian maritim itu pada asasnya memberi garis panduan mengenai bagaimana AS dan China saling bertindak apabila tentera laut masing-masing mendekati satu dengan lain di perairan antarabangsa.

Pada satu taklimat mengenai lawatan itu, seorang pegawai kanan jabatan pertahanan berkata Cohen akan membuat persinggahan pertamanya di Kuala Lumpur di mana beliau dijadualkan bertemu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Perbincangan mereka akan berpusat kepada isu-isu keselamatan dan pertahanan dan juga mengenai situasi ekonomi yang genting di Asia.

Selama dua hari di Kuala Lumpur mulai Isnin (12 Jan) beliau akan menyertai Dialog Pasifik, kumpulan negarawan dari Asia dan lingkaran Pasifik, untuk membincangkan isu-isu bersama.

Beliau akan berlepas ke Jakarta pada hari Selasa di mana beliau akan mengadakan rundingan dan mesyuarat dengan rakan sejawatannya dan satu pertemuan dengan Presiden Suharto.

Mengenai keadaan ekonomi Indonesia yang kritikal berikutan matawang rupiah terus menjunam dalam beberapa hari ini, pegawai itu berkata AS berharap dan menyatakan keyakinan bahawa kerajaan Indonesia akan "mempamerkan kesabaran domestik" bagi mencegah huru hara sosial.

"Apa yang penting ialah untuk memberi jaminan kepada Indonesia bahawa kita adalah rakan kongsi; bahawa kami bersama Indonesia dari segi ekonomi, politik dan strategi, dan bahawa kami mempunyai perbezaan dan kesukaran. Tetapi AS komited untuk mempunyai hubungan yang kukuh dan stabil dengan kerajaan Indonesia," kata pegawai kanan itu.

Di Singapura, Cohen akan menyampaikan ucap utama pada perasmian satu institut kajian strategik yang baru, dan selepas itu di Thailand, di mana beliau akan mengadap raja dan mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya.

Lawatannya ke Asia Tenggara, dari perspektif keselamatan, ialah untuk "meningkatkan keupayaan kami untuk melatih ...mencari kerjasama, dalam

bidang kemanusiaan dan ketenteraan, dan bertukar pendapat mengenai persepsi strategik. Semua ini adalah perkara yang kami fikirkan penting," katanya.

Ditanya sama ada krisis kewangan di rantau itu telah meyebabkan tempahan pertahanan dibatalkan, pegawai itu berkata tidak dan menambah bahawa negara-negara yang terlibat (dengan krisis kewangan) telah meminta diadakan dialog mengenai pilihan-pilihan yang ada seperti pembayaran jangka panjang bagi mastikan hubungan pertahanan yang kukuh dan stabil dengan rantau itu.

"AS akan lakukan apa yang boleh untuk membantu. (syarikat-syarikat pertahanan AS) tahu bahawa sekiranya mereka berdiri bersama negara-negara yang menghadapi masalah mereka akan diingat apabila keadaan tidak sukar lagi," katanya.

Beberapa negara Asia, dalam masa dua atau tiga tahun kebelakangan ini, telah melancar pelan permodenan yang "ambitious", dari segi mendapatkan pesawat-pesawat canggih, senjata permukaan dan sistem persenjataan yang lain.

"Saya fikir kami, di mana-mana yang mungkin, mahu bekerjasama dengan negara-negara ini, sebagai kerajaan dan juga untuk menggalakkan syarikat AS bekerjasama dengan negara-negara ini membuat persediaan kewangan dan yang lain yang sesuai untuk keperluan mereka," kata pegawai itu.

Beliau menambah bahawa kedudukan AS sebagai rakan kongsi dan pembekal peralatan pertahanan dan teknologi yang boleh dipercayai adalah kritikal bagi AS mengekalkan posisinya sebagai peserta Asia Pasifik.

Di Jepun, Cohen dijangka menandatangani perjanjian AS-Jepun mengenai bagaimana menjadikan garis panduan pertahanan satu realiti, dan meneruskan perbincangan mengenai pengurangan fasiliti AS di Okinawa.

Di Korea selatan pula, beliau akan bertemu dengan presiden yang baru buat pertama kali dan akan memberi jaminan bahawa AS akan terus bersama mereka dalam masa-masa sukar sekarang. -- BERNAMA

SAH WAT